

LAMPIRAN A

CONTOH 1

**ANGGOTA MENIKMATI SEPENUHNYA PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.1
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992**

Anggota A, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian A19 JKK yang berada di atas matagaji RM2050.00 pada 1 Januari 2000. Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian tidak terlibat dalam urusan penyusunan semula struktur skim perkhidmatan 1989. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut -

Tarikh	Kadar (RM)	Perkiraan	Catatan
1.1.2000	2050.00 (a)		Gaji Pokok Hakiki A19 JKK
1.1.2000	164.00 (b)	2050.00 X 8%	PPKG 8% sepenuhnya
1.1.2000	221.40 (c)	(2050.00 + 164.00) X 10%	Peningkatan Gaji 10%
Jumlah gaji pada 1.1.2000 (a) + (b) + (c)	2435.40		

CONTOH 2

**ANGGOTA LAYAK DIBERI TOPPING UP PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.2
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992**

Anggota B, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) B10 yang berada di atas matagaji RM1430.00 pada 1 Januari 2000. Skim PPPBS telah disusun semula dalam Pelaksanaan Struktur Baru Perkhidmatan Pendidikan 1989. Anggota B telah menikmati peningkatan skel gaji dari C8 ke B10 mulai 2 Januari 1991 dari matagaji RM1065 (C8) ke RM1070 (B10), iaitu tambahan kenaikan gaji RM5. Oleh itu, anggota B dibayar PPKG 8% atas Gaji Pokok Hakiki ditolak RM5. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

Tarikh	Kadar (RM)	Perkiraan	Catatan
1.1.2000	1430.00 (a)		Gaji Pokok Hakiki B10 JKK
1.1.2000	109.40 (b)	(1430.00 X 8%) - RM5	<i>Topping Up</i> PPKG 8% ditolak RM5
1.1.2000	153.94 (c)	(1430.00 + 109.40) X 10%	Peningkatan Gaji 10%
Jumlah gaji pada 1.1.2000 (a) + (b) + (c)	1693.34		

CONTOH 3

**ANGGOTA TIDAK LAYAK DIBERI PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.2
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992**

Anggota C, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Jurutera A11 JKK yang berada di atas matagaji RM2205.00 pada 1 Januari 2000. Skim Perkhidmatan Jurutera telah terlibat dalam urusan Penyusunan Semula Struktur Perkhidmatan Teknikal 1989. Anggota C telah melangkah titik peningkatan ke tanggagaji A11 dan diselaraskan daripada matagaji RM1830.00 (A18) ke matagaji RM2205.00 pada 1 November 1999. Anggota C telah menikmati kenaikan gaji melebihi 8% daripada gaji lama A18 dan tidak layak PPKG 8%. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

Tarikh	Kadar (RM)	Perkiraan	Catatan
1.1.2000	2205.00 (a)		Gaji Pokok Hakiki A11 JKK
1.1.2000	- (b)		Tidak layak PPKG 8%
1.1.2000	220.50 (c)	(2205.00) X 10%	Peningkatan Gaji 10%
Jumlah gaji pada 1.1.2000	2425.50		
(a) + (c)			

CONTOH 4

**ANGGOTA LAYAK DIBERI PPKG 8 % SEPENUHNYA MENGIKUT PERENGGAN 3.1
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992
DAN DINAIKAN PANGKAT DALAM SKIM PERKHIDMATAN JKK**

Anggota D, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian A19 JKK yang berada di atas matagaji RM2150.00 pada 1 Januari 2000 dan dinaikkan pangkat ke gred kanan A11 pada 1 Februari 2000. Anggota D masih layak PPKG 8% sepenuhnya sehingga tarikh kenaikan pangkatnya. Oleh kerana anggota D akan berpindah ke dalam Skim Perkhidmatan SSB mengikut perenggan 44 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, maka mulai 1 Februari 2000 beliau tidak layak diberi PPKG 8% (mengikut perenggan 3.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992) dan Peningkatan Gaji 10% mengikut perenggan 6(a) Pekeliling Perkhidmatan ini. Kaedah perkiraan Peningkatan Gaji 10% adalah seperti berikut-

Tarikh	Kadar (RM)	Perkiraan	Catatan
1.1.2000	2150.00 (a)		Gaji Pokok Hakiki A19 JKK
1.1.2000	172.00 (b)	2150.00 X 8%	PPKG 8% sepenuhnya
1.1.2000	232.20 (c)	(2150.00 + 172.00) X 10%	Peningkatan Gaji 10%
Jumlah gaji pada 1.1.2000 hingga 31.1.2000 (a) + (b) + (c)	2554.20		